

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI KONVENSYEN UMNO TRENGGANU DI KEMAMAN, TRENGGANU PADA 14HB MAC, 1974

Saudara Pengerusi Konvensyen, Y.A.B. Datuk Haji Nik Hassan¹,
Saudara-saudara sekalian.

Kita sama-sama bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan izinNya kita dapat mengadakan Konvensyen ini iaitu yang terakhir sekali dalam siri Konvensyen peringkat Negeri yang diadakan di seluruh Malaysia.

Saya sukacita perhimpunan ini dapat diadakan di Kemaman seperti yang asal mula-mula dicadangkan oleh kerana bagi diri saya sendiri ada mempunyai pertalian yang rapat dan istimewa dengan UMNO Bahagian Kemaman ini. Saya mengucapkan ribuan terimakasih kepada ahli-ahli Perhubungan UMNO Trengganu, khasnya kepada Datuk Nik Hassan kerana sudi menjemput saya merasmikan pembukaan Konvensyen ini. Begitu juga saya mengucapkan terimakasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Persiapan Konvensyen atas acara sambutan yang amat meriah dan beranika warna sebentar tadi. Begitu juga saya ucapkan terimakasih kepada rakan-rakan kita ketua-ketua Parti PAS, ketua-ketua MCA, MIC yang telah bekerjasama di istiadat Pembukaan Konvensyen.

Saudara-saudara sekalian.

Seperti yang saya katakan tadi, Konvensyen ini ialah yang terakhir menjelang Perhimpunan Agung UMNO bulan Jun kelak. Dari laporan-laporan yang diterima banyak cawangan-cawangan UMNO telahpun mengadakan mesyuarat agung masing-masing dan saya suka sekiranya semua cawangan dan juga Bahagian akan dapat mengadakan mesyuaratnya sepertimana yang diarahkan oleh Ibu Pejabat. Dengan demikian, kita benar-benar menunjukkan bahawa Parti kita sentiasa dalam keadaan teratur dan sempurna serta bersedia menghadapi sebarang cabaran pada setiap masa.

Saudara-saudara sekalian.

Kita mengadakan Konvensyen ini dalam suasana yang amat mengembirakan iaitu baru saja selepas kemenangan Parti kita dalam pilihanraya kecil Pasir Putih. Saya berharap saudara-saudara sekalian yang telah datang dari jauh dan dekat untuk

¹ Menteri Besar Trengganu.

menyertai Konvensyen ini akan mendapat perangsang dari kemenangan di Pasir Putih dan merasa lebih yakin bahawa konsep Barisan National atau National Front akan membawa kemenangan yang lebih besar pada masa akan datang. Bahkan, pada hemat saya, amatlah penting bagi kita sekalian lebih-lebih berazam mengekalkan dan memperkuat Barisan Nasional di Trengganu ini oleh kerana inilah jaminan yang tegas bagi kita menghadapi parti-parti lawan dalam pilihanraya umum kelak.

Saudara-saudara sekalian.

Saya percaya tentulah saudara-saudara semua telah mengikuti Konvensyen-konvensyen yang diadakan sebelum ini dan dapat memahami tujuan kita mengadakan Konvensyen yang penting ini. Khususnya saya ingin melihat pimpinan UMNO pada semua peringkat berada dalam keadaan siap sedia serta mempunyai rasa kesedaran yang tinggi menguasai kedudukan politik tanahair kita hari ini. Adalah mustahak bagi kita semua memahami peranan parti kita sebagai tunjang kekuatan Kerajaan dan kita hendaklah menjunjung tugas serta tanggungjawab mengekalkan perpaduan dalam parti dan antara parti yang mendukung konsep Barisan Nasional.

Di samping itu, adalah mustahak juga bagi saudara-saudara sebagai pemimpin di peringkat Cawangan dan Bahagian mengetahui dengan jelas akan kemajuan yang dicapai oleh Kerajaan dalam melaksanakan rancangan-rancangannya terutama sekali mengenai Rancangan Malaysia Kedua dan Dasar Ekonomi Baru. Dalam sidang-sidang Konvensyen ini para peserta akan mendapat penerangan lengkap dari pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan Pusat, dan juga Badan-badan Berkanun yang bertanggungjawab menjalankan arahan Kerajaan melaksanakan dasar-dasar yang telah ditetapkan itu. Bahkan para peserta akan berpeluang pula sama-sama membincangkan aspek-aspek pelaksanaan itu sekiranya didapati ada kelemahan atau kepincangan yang perlu dibaikki. Dengan adanya pengetahuan dan pandangan yang lebih luas dan mendalam, saya yakin saudara-saudara akan memberikan kerjasama yang lebih sempurna dan berkesan lagi untuk menjayakan cita-cita rakyat dan Kerajaan hendak membina negara yang makmur dan masyarakat moden seperti di negara-negara yang sudah maju.

Sebenarnya hasrat dan cita-cita inilah yang mendorong kita serta memberikan kita semangat memperjuangkan kemerdekaan

bangsa dan negara dulu. Kita semua tahu bagaimana daif sangsara-nya rakyat di masa yang lampau, terutama kaum tani yang membanting tulang dan kaum nelayan yang bergadai nyawa di laut, untuk mencari nafkah menyara anak isteri masing-masing tanpa sebarang harapan bagi masa hadapan mereka. Syukur Alhamdulillah, berkat kemerdekaan dan usaha-usaha kita memenuhi cita-cita kemerdekaan, hari ini rakyat negara ini khususnya rakyat jelata yang tidak berada di kampung-kampung dan mereka yang tidak mendapat peluang dulunya telah dapat menikmati taraf hidup yang lebih baik dan keadaan yang lebih wajar sesuai dengan zaman kemajuan sains dan teknologi.

Saudara-saudara sekalian.

Sepertimana Konvensyen yang lepas-lepas, saya percaya Jawatankuasa Persiapan telah mengaturkan supaya para peserta dapat membincangkan sepenuhnya perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan dasar Parti dan juga Kerajaan. Dengan demikian, dapatlah kita bersama-sama mencari huraian mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh pemimpin-pemimpin Parti dalam menjalankan tugas mereka, terutama pimpinan di peringkat Cawangan yang berhubung rapat dengan rakyat. Begitu juga mereka akan dapat membincangkan masalah-masalah dan bersama-sama dengan pakar-pakar yang khusus dijemput menghadiri Konvensyen ini. Saya berharap dengan adanya perbincangan-perbincangan yang membina kita akan dapat memahami masalah-masalah utama yang dihadapi oleh masyarakat kampung dan juga bandar serta membuat huraian yang sesuai dengan cita-cita membina masyarakat adil dan makmur bagi seluruh rakyat di negara kita yang berbilang bangsa ini.

Saudara-saudara sekalian.

Saya menyebut tadi bahawa Konvensyen ini diadakan dalam suasana yang cerah dan menggembirakan berikutan dengan kemenangan kita di Pasir Putih. Minggu lalu saya telah berpeluang bertemu muka sambil merasmikan pembukaan Sidang Perwakilan Parti Gerakan di Pulau Pinang. Hari ini dengan izin Allah saya dapat pula bertemu dan beramah mesra dengan saudara-saudara semua yang datang dari segenap ceruk rantau Negeri Trengganu ini dan pada sebelah petang saya akan merasmikan mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Kampung bagi

seluruh Negeri Trengganu yang berhimpun di bandar Kemaman ini. Semua ini pada hemat saya mempunyai sempena dan amat besar ertinya dalam usaha kita hendak mengekalkan kekuasaan Parti supaya dapat terus membimbing negara dan berkhidmat kepada rakyat untuk puluhan tahun akan datang.

Dalam hal ini, perkara utama yang patut kita titikberatkan ialah perpaduan dan persefahaman antara kita sama kita dalam Parti UMNO. Sebenarnya inilah kunci kekuatan kita kerana selagi ada perpaduan dan muafakat, tidak ada satu kuasa pun yang dapat menjejaskan kedudukan kita. Saya masih ingat dalam pilihan-raya kecil Kuala Nerus tidak lama dulu, ada timbul kebimbangan sedikit tentang pengaruh Parti Rakyat. Kita tahu dan sedar bahawa dengan terbentuknya Barisan Nasional, Parti Rakyatlah sahaja lawan kita yang ada di negeri-negeri Pantai Timur ini iaitu di Pahang, Trengganu dan Kelantan. Parti Rakyat akan menggunakan segala daya upaya dan tipu helah mengabui mata rakyat serta menghasut rakyat supaya membenci Kerajaan dan menentangnya. Saya percaya kemenangan yang terakhir ini akan meninggikan keyakinan kita semua kepada cita-cita Barisan Nasional dan menaikkan semangat menentang pengaruh Parti Rakyat habis-habisan.

Dalam hubungan ini, perkara yang pokok atau basic bagi mengekalkan kekuatan UMNO ialah wajib setiap pemimpin UMNO meletakkan kepentingan Parti di atas segala-galanya. Atau dengan kata-kata lain, pemimpin UMNO pada semua peringkat hendaklah menjalankan tugas yang diserahkan kepadanya dengan penuh kejujuran dan dedikasi serta mengenyepikan kepentingan diri sendiri. Inilah contoh yang sebaik-baiknya bagi menjaga keutuhan dalam Parti mana-mana pun. Sebaliknya punca-punca perpecahan dalam sesuatu pertubuhan atau Parti ialah disebabkan perbuatan pemimpin-pemimpin yang mengutamakan kepentingan diri dan lebih buruk lagi kalau ada penyelewengan oleh pemimpin-pemimpin Parti, iaitu mengambil kesempatan dari kedudukan atau jawatan mereka untuk kepentingan diri dan kaum keluarga mereka sendiri. Hal inilah yang patut kita jauhan sama sekali.

Saudara-saudara sekalian.

Memandang kepada suasana politik di negara kita, nyatalah keadaan hari ini telah jauh berubah dari masa kita mula-mula mencapai kemerdekaan membawa kepada peralihan pucuk pimpinan Kerajaan hingga hari ini. Kita bersyukur ke hadrat Allah bahawa hingga masa ini Parti kita UMNO masih tetap memegang

kedudukan dan peranan yang utama dari zaman Perikatan membawa kepada lahirnya konsep baru yang lebih luas iaitu Barisan Nasional.

Patutlah diingat bahawa konsep baru ini lahir dari keadaan negara yang berubah, setelah mengalami peristiwa atau tragedi 13 Mei yang merupakan titik perpisahan dari zaman atau peringkat lama. Sesungguhnya peristiwa ini memberi satu pengajaran yang penting kepada kita semua, dan membawakan rasa kesedaran yang mendalam bahawa hidup mati atau *survival* negara dan bangsa Malaysia bergantung pada perpaduan rakyat dan harmoni antara kaum. Rasa kesedaran inilah saya percaya yang mendorong pemimpin-pemimpin Parti yang dahulunya menentang kita menerima dua gagasan penting iaitu Rukunegara dan Dasar Ekonomi Baru. Selanjutnya pandangan dan sikap yang positif inilah yang memberi perangsang kepada kita mempelopori dan memperjuangkan konsep baru politik yang membawa semua pihak bergabung di bawah panji-panji Barisan Nasional yang melambangkan nasionalism dan patriotism rakyat negara ini. Saya bersyukur cita-cita ini berlaku semasa saya bersama-sama memimpin parti dan Kerajaan dan berjaya membawa parti-parti lawan kita duduk bersama-sama dalam Kerajaan demi kepentingan bangsa dan negara.

Saudara-saudara sekalian.

Di Trengganu ini khasnya perjalanan Kerajaan Campuran Perikatan/PAS adalah memuaskan dan saya percaya hasrat perpaduan rakyat, terutama orang-orang Melayu kita sendiri, akan menjadi lebih nyata dalam semua aspek kehidupan sehari-hari. Dari segi yang lebih luas, perpaduan orang-orang Melayu merupakan tapak yang teguh bagi kita membina bangsa Malaysia yang bersatu dan mempunyai keperibadian yang boleh dibanggakan oleh jenerasi-jenerasi akan datang.

Saudara-saudara sekalian.

Berpaling kepada kedudukan dalam negara hari ini dan langkah-langkah serta usaha-usaha pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan, bolehlah saya berkata bahawa pada amnya kemajuan sangatlah memuaskan. Kajian Penggal Pertengahan Rancangan Malaysia Kedua jelas menunjukkan bahawa matalamat Kerajaan akan dapat dicapai dengan kejayaan. Bagaimana pun, usaha kita

menyusun semula masyarakat akan mengambil masa memenuhinya, tetapi Kerajaan berazam akan melakukan apa yang patut supaya rakyat yang tidak berpeluang selama ini akan mendapat tempat yang wajar dan saksama dalam masyarakat.

Berkenaan dengan pembangunan di Negeri ini, projek Trengganu Tengah sudahpun mula berjalan dengan lancar dan kawasan seluas 60,000 ekar sudahpun diluluskan. Saya difahamkan banyak permohonan dari pelabur-pelabur dalam dan luar negeri yang ingin hendak bersama-sama menjayakan projek kelapa sawit dan sebagainya di kawasan selebihnya. Begitu juga di Kemaman ini, menjelang siapnya projek pelabuhan di Tanjung Gelang, saya telah meminta Kerajaan Negeri mengadakan kawasan perindustrian di Kemaman ini supaya rakyat di sini bersama-sama mendapat nikmat daripada kemajuan yang akan datang kemari kelak. Begitu pula kita sama-sama bersyukur Negeri Trengganu seperti Pahang juga dikurnia Allah dengan kekayaan minyak dan gas yang mana akan dapat dinikmati oleh rakyat Trengganu ini khasnya dan Malaysia amnya. Sebatang jalanraya menyambungkan Jerangau dan Jabur sejauh lapan puluh tujuh batu sedang dirancang sebagai lebuhraya baru ke Pahang. Pendek kata, masa depan Negeri ini sangatlah cerah dan tidaklah perlu dibimbang dan ragu kalau-kalau Trengganu ketinggalan di belakang berbanding dengan Pahang dan Kelantan. Begitu juga Projek Majuikan sedang dilaksanakan untuk membawa kehidupan baru kepada kaum nelayan.

Saya telah memberi arahan kepada Kementerian Pertanian dan Perikanan supaya memberi keutamaan kepada Negeri Trengganu dalam lapangan memajukan perusahaan Perikanan kerana Trengganu mempunyai bilangan nelayan-nelayan yang terbanyak sekali di Malaysia. Baru-baru ini sebuah Kompleks Pemasaran Ikan telahpun dilancarkan di Kuala Trengganu serentak dengan projek penangkapan ikan yang mana diharapkan akan meninggikan penangkapan ikan dan pendapatan kaum nelayan amnya. Sebuah pelabuhan perikanan sedang dirancang dekat Cendering dan diharap pelabuhan ini akan menambahkan lagi kemudahan kepada kaum nelayan supaya mereka dapat menikmati keadaan hidup yang lebih sempurna.

Beberapa projek lain termasuk projek pelancungan besar-besaran sedang dirancang di Negeri Trengganu ini supaya lebih ramai lagi para pelancung dari luar negeri dapat menikmati keindahan alam semula jadi pantai timur negara kita. Projek-projek ini sudah

tentu akan menambahkan pendapatan negara di samping memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Trengganu.

Dalam hal ini saya sekali lagi mengulangi kata iaitu dalam sebarang langkah yang dijalankan oleh Kerajaan, rakyat hendaklah melibatkan diri dan bersama-sama memikul tanggungjawab menjayakannya. Dengan demikian barulah benar-benar terbukti hakikat pemerintahan oleh rakyat hasil penggembelangan tenaga rakyat demi faedah dan kepentingan mereka sendiri. Kerajaan berazam melaksanakan sepenuhnya dasar dan rancangan yang akan membaiki kehidupan rakyat yang miskin dan mundur di kampung-kampung dan kawasan luar bandar supaya keadaan ekonomi dan sosial yang tidak seimbang dihapuskan dan seterusnya membina masyarakat baru atas tapak landasan yang kukuh untuk keteguhan dan kesetabilan negara. Inilah cita-cita dan matalamat pemimpin-pemimpin UMNO dan Kerajaan hari ini supaya kita dapat mewariskan negara yang kuat, makmur dan aman bahagia kepada jenerasi-jenerasi akan datang untuk mereka terus memelihara dan mempertahankannya dengan jiwa raga mereka.

Seperti selalu saya katakan, masa depan Negara bergantung pada kaum belia dan para pelajar yang berada di Pusat-pusat Pengajian Tinggi di dalam dan di luar negeri. Kita ingin melihat mereka itu bersungguh-sungguh menimba ilmu pengetahuan untuk mereka sendiri supaya boleh menganihil tempat pemimpin-pemimpin yang ada sekarang. Tambahan pula masalah masa hadapan akan bertambah sulit dan rumit lagi berbanding dengan masa ini. Saya suka mengingatkan bahawa kita semua—Menteri-menteri, Wakil-wakil Rakyat, Pegawai-pegawai Kerajaan, Pengusaha-pengusaha dan Professional dari kalangan Melayu—rata-rata berasal dari rakyat kampung yang tahu benar pahit maung hidup. Kemerdekaan Negara telah membuka peluang kepada kita untuk mendapat pelajaran dan seterusnya kedudukan yang lebih baik serta kesenangan. Oleh itu patut benarlah kita, bahkan adalah menjadi tanggungjawab kita membalas balik budi Negara dengan cara berkhidmat demi kepentingan dan kebajikan rakyat yang miskin dan mundur, terutama orang-orang Melayu kita sendiri.

Saudara-saudara sekalian.

Satu masalah berat yang dihadapi rakyat hari ini ialah soal sara hidup dalam keadaan harga barang-barang yang meningkat tinggi. Kerajaan sedang bertindak tegas bukan saja dengan tujuan menjamin bekalan barang-barang perlu tetapi juga untuk mengawal

harga yang berpatutan bagi barang-barang. Kempen yang sedang berjalan iaitu anti-sorok sudali mula berkesan dan di samping itu PERNAS telah menubuhkan Syarikat Pernas Edar yang akan menguruskan edaran barang-barang perlu dan lain-lain supaya orang ramai tidak keputusn bekaln dan mendapatnya dengan harga yang berpatutan pula. Dalam pada itu, saya mengulangi lagi seruan agar orang ramai di bandar-bandar bertindak mengadakan sendiri keperluan mereka sehari-hari. Inilah masanya kita cuba menghidupkan semangat ketekunan orang tua-tua kita dulu sambil berjimat cermat serta menjauhkan perbuatan membazir dan sia-sia.

Saudara-saudara sekalian.

Saya suka juga menyebutkan di sini peri baik dan harumnya nama negara kita hari ini, khasnya di kalangan negara-negara Islam. Persidangan Lahore baru-baru ini mendapat penuh kejayaan dan dengan izin Allah bulan Jun ini kita akan menjadi tuan rumah kepada Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Islam. Ini adalah satu penghormatan yang besar kepada kita semua.

Saya penuh yakin dan percaya atas kemampuan dan kesanggupan kita menghadapi tahun-tahun akan datang. Suasana politik adalah semakin cerah dan kemajuan negara melalui konsep Kerajaan Campuran menunjukkan natijah yang baik dan mengembirakan kita. Kejayaan Kerajaan Sarawak mengembalikan keamanan di negeri itu sangat-sangat menggalakkan kita dan saya berharap puak komunis bersenjata di Semenanjung Malaysia akan insaf betapa sia-sianya perjuangan mereka dan segera kembali ke jalan yang benar mengikut Perlembagaan dan demokrasi yang kita junjung tinggi itu. Dengan pulihnya keamanan, kita akan dapat menumpukan seluruh tenaga terhadap usaha-usaha pembangunan negara untuk kepentingan dan kemakmuran rakyat.

Seterusnya saya berharap dalam perundingan-perundingan kita dengan parti-parti yang bergabung dalam Barisan Nasional, akan tercapai persetujuan mengenai *political platform* atau landasan politik bersama bagi menghadapi pilihanraya umum kelak. Berhubung dengan ini, saya percaya selagi seluruh ahli-ahli UMNO taat dan berpegang teguh kepada disiplin parti serta memberi sokongan penuh kepada pucuk pimpinan, masa depan Parti kita dan seterusnya Barisan Nasional akan tetap cerah dan gilang

gemilang untuk membina Negara yang maju dan melaksanakan cita-cita masyarakat adil serta diberkati Allah setiap masa.

Saudara-saudara sekalian.

Dengan harapan dan keyakinan ini, saya dengan sukacita merasmikan Konvensyen UMNO Trengganu ini.